

NIXODERM OINTMENT

Benzoic Acid 6% w/w / Salicylic Acid 2.5% w/w / Precipitated Sulphur 4.6% w/w

KANDUNGAN RISALAH INI

1. Apakah kegunaan Nixoderm Ointment
2. Bagaimana Nixoderm Ointment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Nixoderm Ointment
4. Cara menggunakan Nixoderm Ointment
5. Semasa menggunakan Nixoderm Ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Nixoderm Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

APAKAH KEGUNAAN NIXODERM OINTMENT

Jerawat, bintik hitam, gatal, ruam dan kurap kulit dan kulit kepala yang disebabkan oleh faktor luaran

BAGAIMANA NIXODERM OINTMENT BERFUNGSI

Nixoderm ointment merupakan sejenis salap yang berkekal pada kulit. Ia adalah dirumus khas untuk memastikan bahan-bahan aktifnya boleh bertindak dan berkekal pada kulit untuk jangka masa maksimum. Ini akan memberikan kesan yang lebih baik daripada aplikasi cecair yang nipis atau berminyak yang tidak kekal lama pada kulit.

Benzoic acid membekalkan fungsi antikulat yang baik.

Salicylic acid ialah sejenis agen keratolitik yang membasmi dan mencegah jerawat

Precipitated sulphur merupakan antiseptik, antikulat dan parasitoid yang lembut.

SEBELUM MENGGUNAKAN NIXODERM OINTMENT

Bila tidak boleh menggunakan

Produk ini tidak sesuai digunakan oleh individu yang mempunyai alahan terhadap mana-mana bahan kandungan dalam produk ini.

Sebelum menggunakannya

Jika seseorang mempunyai kulit yang amat sensitif, sapuan pertama dengan Nixoderm ointment mungkin memedihkan. Untuk mengelakkannya, sapukan selapis jeli petroleum pada bahagian yang terlibat sebelum disapu dengan Nixoderm ointment.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Setakat ini tiada laporan masalah jika produk ini digunakan bersama ubat-ubat lain.

CARA MENGGUNAKAN NIXODERM OINTMENT

Rawatan untuk jerawat, gatal dan ruam

Selepas dicuci, sapukan Nixoderm ointment perlahan-lahan dan menyeluruh di semua bahagian kulit yang dijangkiti. Lakukannya dua kali sehari, pagi dan malam. Rawatan ini perlu diteruskan selama tujuh hari. Kemudian dihentikan selama tiga hari lalu disambung semula selama tujuh hari berikutnya. Teruskan kaedah

rawatan ini sehingga kulit pulih sepenuhnya.

Rawatan untuk kurap

Sapukan Nixoderm ointment perlahan-lahan dan menyeluruh di semua bahagian kulit yang dijangkiti. Lakukannya dua kali sehari, pagi dan malam. Rawatan ini perlu diteruskan selama tujuh hari. Kemudian dihentikan selama tiga hari lalu disambung semula selama tujuh hari berikutnya. Teruskan kaedah rawatan ini sehingga kulit pulih sepenuhnya. Kurap adalah salah satu keadaan kulit yang paling degil, oleh itu ia adalah disyorkan untuk meneruskan rawatan ini selagi diperlukan.

SEMASA MENGGUNAKAN NIXODERM OINTMENT

Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan sentuhan dengan mata. Jika terdapat kerengsaan, sila hentikan penggunaan.

KESAN-KESAN SAMPINGAN

Setakat ini tiada kesan sampingan dilaporkan untuk produk ini.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumersà Reporting Side Effects to

NIXODERM OINTMENT

Benzoic Acid 6% w/w / Salicylic Acid 2.5% w/w / Precipitated Sulphur 4.6% w/w

Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN NIXODERM OINTMENT

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C dalam bekas kedap udara. Jauhkan daripada sinaran cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Nixoderm ointment tidak patut dibuang dengan sisa-sisa buangan isi rumah. Sila merujuk kepada ahli farmasi anda cara-cara pelupusan Nixoderm ointment yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

MAKLUMAT LANJUT

Rupa dan warna produk

Nixoderm ointment adalah kuning, legap, tekstur berminyak yang seragam dengan bau methol yang lembut. Ia didapati dalam tin hijau dalam 5.34gm, 17.7gm dan 17gm (17gm saiz pek ini tidak terdapat dalam Malaysia).

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:
Benzoic acid, Salicylic acid, Precipitated sulphur.

Bahan tidak aktif:
Paraffin keras, Paraffin cecair, Paraffin putih lembut, *Titanium dioxide, Kaolin, Menthol.*

Nombor MAL

MAL 19984125XC

PENGILANG

Jardin Manufacturing Sdn Bhd
(1530544-M)
Lot 1, 2, 3 & 4, Kawasan
Industri Batu 7, 23000 Dungun,
Terengganu, Malaysia.

PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK

Summit Company (Malaysia)
Sdn Bhd 196801000159 (7775-
T)
Lot 6, Jalan 19/1, 46300
Petaling Jaya, Selangor Darul
Ehsan.

TARIKH KEMASKINI RIMUP

16/05/2025

NOMBOR SIRI:

NPRA(R2/1)250514/1477